



Afi bolot tiga jersi LTdiPT 2023

Nazri Abu Bakar - Jun 17, 2023 @ 5:28pm
sukanteam@NSTP.com.my



Pasukan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ceria selepas raih kejayaan pada hari pertama LTdiPT 2023. - Foto NSTP/Nazri Abu Bakar

[Previous](#)[Next](#)

MELAKA: Pecutan 300 meter terakhir membolehkan pelumba Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mohammad Afi Danial Ramli Abu Bakar muncul pendahulu keseluruhan (jersi kuning) Le Tour de IPT (LTdiPT) 2023 pada hari pertama saingan.

Dia mencatat 2 jam 18 minit 21 saat pada peringkat pertama sejauh 96.4km dari Kolej Komuniti Segamat dan berakhir di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka.

"Pengalaman beraksi di pentas Sukan Malaysia (Sukma) sejak berusia 17 tahun bersama Terengganu dan belajar di Sekolah Sukan Terengganu banyak membentuk persembahan saya.

"Saya sebenarnya tidak pernah menduga untuk memenangi kategori terbabit kerana mensasarkan dalam acara berpasukan sebalik saya turut memenangi jersi hijau (pecut) dan rakan saya Ahmad Irfan Abdul Hamid dianugerahkan Raja Bukit (polkadot)," Mohammad Afi.

Tempat kedua diraih Muhammad Hafizul Asyraf Jaafar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan masa 2:18:30 serta Muhammad Iqbal Imran Md Zahrrudin (2:18:32), juga dari UPNM, di tangga ketiga.

Pada peringkat pertama berkenaan UPNM menyapu bersih semua kategori termasuk pendahulu Bawah 21 (jersi putih) yang juga dimenangi Mohammad Afi dan Ahmad Irfan pula muncul Raja Bukit.

Pengurus pasukan UPNM Mohd Hilmi Jalil berkata kejayaan meraih kejayaan dalam semua kategori saingan sememangnya tidak diduga namun amat bersyukur atas usaha gigih kesemua enam pelumbanya yang bertindak cemerlang.